

IKIM anjur pertandingan debat IPT

KUALA LUMPUR: Buat kali keempat, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan mengadakan Pertandingan Debat Kefahaman Islam antara institusi pengajian tinggi (IPT) dari 4 hingga 7 Disember depan, sekali gus menyaksikan Universiti Malaya (UM) selaku juara bertahan bertemu 15 IPT seluruh negara.

Pertandingan itu diadakan bagi meningkatkan kefahaman Islam, meninjau dan menilai sejauh mana kemampuan pelajar IPT mengenai hal ehwal Islam, serta memberi peluang kepada mereka untuk melahirkan pendapat, pandangan dan hujah mengenai isu itu.

Pengerusi Jawatankuasa pertandingan, Nik Mustapha Nik Hassan, berkata antara IPT yang mengambil bahagian ialah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Tenaga Nasional (Uniten), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Petronas.

Beliau berkata, penghakiman dilakukan menerusi aspek kandungan, bahasa dan cara persembahan oleh barisan panel yang terdiri daripada pegawai akademik IKIM, wakil Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dan wakil Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

"Pusingan pertama, kedua, suku akhir serta separuh akhir akan berlangsung dalam tempoh itu manakala kemuncaknya iaitu pertandingan akhir diadakan pada 22 Disember depan," katanya ketika menyampaikan taklimat berhubung pertandingan itu di sini.

Beliau yang juga Timbalan Ketua Pengarah IKIM, berkata antara tajuk perdebatan ialah 'Perjanjian Perdagangan Antarabangsa (FTA): Baik Untuk Ekonomi Malaysia'; 'Sistem Pendidikan Negara Semasa Mampu Melahirkan Ramai Ahli Sains Bersifat Global'; 'ICT dan Globalisasi: Pemangkin Tamadun Bermaruah' serta 'Pembinaan Bangsa Malaysia Adalah Satu Mitos'.

Nik Mustapha berkata, johan pertandingan akan meraih wang tunai berjumlah RM15,000 dan piala pusingan IKIM, naib johan (RM10,000), tempat ketiga (RM5,000), manakala tempat keempat akan menerima RM3,000.